

**SOALAN LAZIM**  
**KEMPEN JOMPAY & WIN! 2021**

1. **Soalan:**  
Apakah kempen JomPAY & Win! 2021?

**Jawapan:**

Kempen JomPAY & Win! 2021 adalah kempen yang diadakan bagi menghargai peminjam yang berusaha membuat bayaran balik pinjaman walaupun di dalam keadaan pandemik yang mencabar masa kini serta turut berpeluang untuk memenangi hadiah tunai dalam bentuk bayaran balik pinjaman PTPTN. Kempen ini adalah kerjasama yang dijalankan bersama PTPTN, Ambank (M) Bhd dan Payments Network Malaysia (PayNet).

2. **Soalan:**  
Bilakah tempoh Kempen JomPAY & Win! 2021 ini bermula?

**Jawapan:**

Tempoh kempen ini bermula pada **1 Ogos sehingga 31 Oktober 2021**.

3. **Soalan:**  
Apakah terma dan syarat untuk menyertai Kempen ini?

**Jawapan:**

Terma dan syarat untuk menyertai kempen ini adalah seperti berikut:

- i. Terbuka kepada semua peminjam PTPTN;
- ii. **Bayaran balik pinjaman PTPTN perlu dibuat melalui saluran JomPAY** dalam tempoh kempen;
- iii. Kelayakan cabutan adalah berdasarkan kepada **amaun bayaran balik pinjaman PTPTN** seperti berikut:

Bayaran Minimum	Bilangan Cabutan
RM100	1 Cabutan

- iv. Tiada had untuk bilangan cabutan;
- v. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).
- vi. Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam tempoh kempen, akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

4. **Soalan:**  
Adakah permohonan perlu dibuat untuk melayakkan penyertaan Kempen JomPAY & Win! 2021 ini?

**Jawapan:**

Tidak perlu kerana kelayakan Kempen JomPAY & Win! 2021 ini adalah automatik bagi peminjam yang layak.

5. **Soalan:**  
Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

**Jawapan:**

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah 20 hari selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

6. **Soalan:**  
Jika peminjam meninggal dunia dalam tempoh kempen, adakah akaun tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

**Jawapan:**

Layak, tertakluk kepada terma dan syarat pinjaman.

7. **Soalan:**  
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

**Jawapan:**

Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:-

<b>Hadiah</b>	<b>Bilangan Hadiah</b>
Utama : RM11,000	1
Kedua : RM8,000	1
Ketiga : RM5,000	1
Keempat : RM3,000	1
Saguhati : RM500	46
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>50</b>

8. **Soalan:**  
Bagaimanakah maklumat kepada pemenang Kempen JomPAY & Win! 2021 akan dibuat?

**Jawapan:**

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).

9. **Soalan:**  
Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

**Jawapan:**

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan SSPN-*i* yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun SSPN-*i*, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun tersebut secara *pre-opening*.

10. **Soalan:**  
Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

**Jawapan:**

Hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang dalam **tempoh DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman / simpanan di Portal Rasmi PTPTN ([www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)) atau menghubungi talian *Careline* 03-2193 3000 untuk info lanjut.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh **Kempen JomPAY & Win! 2021**.*

**Maklumat dikemaskini pada 22 Julai 2021**